Stok alat tulis	—	50
Alatan sukan(kos)	4 286	?
Bangunan(kos)	80 000	80 000
Yuran ahli tertunggak	825	525
Yuran ahli terdahulu	—	425
Majalah dan akhbar terakru	—	125

(ii) Semua alatan sukan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

(iii) Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang tambahan.

(a) Sediakan Akaun Yuran Ahli

(3 markah)

(b) Sediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2005. (9 markah)

BELANJAWAN TUNAI (DARI 1993 HINGGA 2006 HANYA 3 THN SHJ KELUAR)

1995

- 1 Koperasi Sekolah Menengah Seri Mawar Simpang Tiga Berhad telah menyediakan anggaran kewangan bagi suku tahun berakhir 31 Mac 1996. Anggaran tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Baki tunai pada 1 Januari sebanyak RM5 000.
 - (ii) Jualan tunai bagi bulan Januari berjumlah RM10 000 dan akan berkurangan pada tiap-tiap bulan sebanyak 10% daripada jualan bulan sebelumnya.
 - (iii) Belian tunai dilakukan 2 bulan sekali iaitu RM12 000 bagi bulan Januari dan dikurangkan 20% bagi bulan Mac
 - (iv) Pada bulan Januari koperasi menerima 20 orang ahli baru. Bayaran masuk RM2 dikenakan kepada setiap orang ahli
 - (v) Koperasi memperoleh hasil RM1 000 setiap bulan dengan mengendalikan kelas komputer.
 - (vi) Belanja bulanan yang tidak berubah ialah:

	RM
Gaji	300
Belanja am	200

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Aliran Tunai bagi Bulan Januari hingga Mac 1998 (berbentuk lajur sahaja).

1997

- 1 Cik Nina memulakan Perusahaan Ninja pada 1 Oktober 1997 dengan modal tunai sebanyak RM25 000. Maklumat perancangan yang diperoleh daripadanya untuk tahun 1997 adalah seperti berikut:
- (i) Pada awal bulan Oktober, perniagaan membeli sebuah mesin RM20 000 secara tunai.
 - (ii) Pada bulan Oktober, 5 orang pekerja diambil dan ditambah 3 orang lagi pada bulan Disember. Gaji bulanan seorang pekerja RM300
 - (iii) Sewa premis RM1 200 setiap bulan
 - (iv) Pada bulan November perniagaan mendapat pinjaman bank RM10 000. Pinjaman dibayar balik RM400 setiap bulan bermula Disember.
 - (v) Hasil jualan tunai:

Oktober RM20 000, November RM25 000, Disember RM30 000.
 - (vi) Belian bahan pada bulan Oktober dan November RM18 000 setiap bulan manakala bulan Disember bertambah sebanyak RM10 000.
 - (vii) Pelbagai belanja RM200 setiap bulan
 - (viii) Belanja angkutan RM250 setiap bulan manakala pada bulan Disember bertambah sebanyak 40% daripada bulan sebelumnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Aliran Tunai Perusahaan Keropok Ninja bagi 3 bulan berakhir 31 Disember 1997

SPM 2004

- 1 Cik Arina, seorang peniaga buku, meminta bantuan anda menyediakan anggaran belanjawan tunai untuk tempoh 3 bulan, bermula 1 Oktober 2004 hinggalah 31 Disember 2004.

Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya adalah seperti berikut:

- (i) Baki tunai pada 1 Oktober 2004 ialah RM2 500
- (ii) Jualan tunai bagi bulan Oktober dan November adalah sama iaitu RM7 500 tetapi dijangka meningkat kepada RM8 500 pada bulan berikutnya.
- (iii) Belian pada bulan Oktober sebanyak RM8 800. Belian dilakukan dua bulan sekali dengan pengurangan sebanyak 25%.
- (iv) Jualan kredit pada bulan November RM7 425. Penghutang akan membayar sebanyak 80% pada bulan Disember 2004.
- (v) Pinjaman bank sebanyak RM5 000 akan diperoleh pada bulan November 2004.
- (vi) Sewa bulanan sehingga November 2004 ialah RM800. Mulai bulan Disember, perniagaan akan berpindah ke premis baru yang dibeli dengan harga RM150 000. Pembayaran pendahuluan RM15 000 dibayar pada bulan tersebut.

Anda dikehendaki menyediakan penyata belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Dis 04.

Buku Tunai Runcit

SPM 2000. No.6

- 1 Perniagaan Daya menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar bermula 1 Mei 2000. Wang permulaan sebanyak RM250 diperuntukan sebagai dana tunai runcit. Penerimaan wang daripada ketua juruwang hanya akan dilakukan pada awal bulan berikutnya. Penggunaan wang dalam bulan Mei 2000 adalah seperti berikut:

Mei	RM
3 Pewangi	15
5 Kertas dan dakwat	14
15 Gaji kerani	340
16 Minuman pelanggan	23
20 Bunga meja pejabat	25
22 Kertas karbon	18
24 sampul surat	5
26 Perabot baru pejabat	900
27 Gula dan kopi pejabat	17
29 Alas meja	12
30 pembaikan mesin taip	35

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Jun 2000 dengan menunjukkan lajur analisis Alat tulis, Belanja Pejabat dan Minuman.

(12 markah)

PENYATA PENYESUAIAN BANK
SPM 1996, No. 5

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	No.cek	Perkara	RM
1996			1996			
May-01	Baki	7 350	May-02	1083	Sewa	850
3	Jualan	2 550	4	1084	Baiki kenderaan	500
5	Akila Bhd	870	6	1085	Komisen	590
8	Farah	1 450	10	1086	Angkutan masuk	220
25	Bona Bhd.	2 530	24	1087	David & Co	2 477
28	Perniagaan Dini	1 770	27	1088	Arjuna Sdn. Bhd.	5 633
29	Peruncit Ahmad	2 430	29	1089	Tenaga Nasional Bhd	120
31	Baki h/b	380	31	1090	Syarikat Motor Bhd.	8 700
				1091	Insurans Maju Bhd.	240
		19330				19 330

BANK JAKSA MALAYSIA BHD.
PENYATA BANK

Perniagaan Geliga Berhad
A 50 Jalan Gajah Putih
Temerloh, Pahang

No. akaun :02-130141175-5
Tarikh :31 Mei 1996

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
1996					
May-01	Baki				8 150
5	Cek	1083	830		7 300
10	Cek	1084	500		6 800
11	Deposit			2 550	9 350
	Deposit			870	10 220
12	Cek	1082	800		9 420
	Buku cek		15		9 405
14	Cek	1086	220		9 185
16	Deposit			1 450	10 635
28	Cek	1088	5 633		5 002
	Cek	1087	2 747		2 255
29	Deposit			1 770	4 025
30	Dividen (Syarikat Alma Bhd.)			1 560	5 585
	Sykt. Koh Bhd (Pindahan Kredit)			2 300	7 885
31	Deposit			2 430	10 515

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskini Buku Tunai Perniagaan Geliga Berhad
(b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 1996.

(51/2 markah)
(61/2 markah)

SPM 1998, No. 5

- 2 Perniagaan Mentari Makmur menerima Penyata Bank untuk bulan Oktober 1998 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai (ruangan Bank sahaja) untuk bulan tersebut.

BANK DAYA MALAYSIA BHD. PENYATA BANK					
Perniagaan Mentari Makmur A-44, Jalan Pendekar, Lumut, Perak			No. akaun :01-340678569-7 Tarikh :31 Oktober 1998		
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
1998					
Oct-01	Baki b/b				4 043(kt)
10	Cek	42351	2 843		1 200(kt)
11	Deposit			946	2146(kt)
11	Deposit			1 325	3 471(kt)
12	Cek	42350	500		2 971(kt)
13	Cek	42352	740		2 231(kt)
18	Cek	42353	2 655		424(dt)
20	Dividen Sykt Auto Bhd.			600	176(kt)
25	Faedah simpanan Tetap		1 248	343	519(kt)
28	Cek	42355			729(dt)
28	Deposit			490	239(dt)
31	Caj bank				255(dt)

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)						
Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	No.cek	Perkara	RM
1998			1998			
Oct-01	Baki	3 543	Oct-06	42351	Belian	2 843
8	Jualan	946	11	42352	Ankutan Maju	740
10	Akila Bhd	1 325	14	42353	Tuty	2 655
16	Farah	490	18	42354	Sykt Perabot Bhd.	890
20	Bona Bhd.	1 254	25	42355	Normah	1 248
31	Baki h/b	1 333	28	42356	Sykt Telekom Bhd.	65
			30	42357	Gaji	450
		8 891				8 891

- Anda dikehendaki:
- Mengemaskini Buku Tunai
 - Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 1998

(4 markah)
(7 markah)

SPM 1999, No. 6

- 3 Penyata bank bulan Oktober 1999 yang diterima oleh Perniagaan Chan Teck menunjukkan baki yang berbeza dengan baki buku tunainya bagi bulan itu. Berikut ialah buku tunai dan penyata bank bagi bulan tersebut.

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	No.cek	Perkara	RM
1999			1999			
Oct-01	Baki b/b	6 384	Oct-04	553281	Belian	850
3	A. Aziz	795	7	553282	Sewa	500
8	Jualan	1 336	16	553283	Kedai Kammari	590
17	Rajesh	668	20	553284	Insurans	220
25	Jualan	2 446	27	553285	Syarikat Nisa	2 477
28	Farhana	893	29	553286	Toko Tharuma	5 633
30	Ravita	969	31		Baki h/b	120
		13 491				13 491

**BANK JAKSA MALAYSIA BHD.
PENYATA BANK**

Perniagaan Geliga Berhad
A 50 Jalan Gajah Putih
Temerloh, Pahang

No. akaun :02-130141175-5
Tarikh :31 Mei 1996

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
1999					
Oct-01	Baki				7 357
2	Cek	553280	973		6 384
5	Cek cawangan sendiri	486332		795	7 179
6	Cek	553281	880		6 299
8	Deposit			1 336	7 635
9	Cek	553282	500		7 135
18	Cek	336206	1 284		5 851
19	Cek penjelasan tempatan			668	6 519
20	Dividen (Syarikat Berani Berhad)			456	6 975
26	Deposit			2 446	9 421
30	Cek	553284	295		9 126
30	Caj bank		10		9 116

Maklumat tambahan: Cek bernombor 553283 yang dikeluarkan kepada Kedai Kammari di catatkan dengan jumlah yang salah dalam buku tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 1999 (tanpa mengemaskini buku tunai)

(10 markah)

4 Syarikat Sri Endau Bhd. Menerima penyata banknya bagi bulan Oktober 2001. Berikut ialah buku tunai dan penyata banknya untuk bulan itu.

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	No.cek	Perkara	RM
2001			2001			
Oct-01	Sewa	4 500	Oct-01		Baki b/b	1 675
14	Jualan	12 780	2	354780	Demo Maju	1 865
22	Nora	338	4	345781	Manis Madu Bhd.	540
25	Sundram	1 537	5	336782	Sinar Desa	1 255
26	Mutiara Bhd.	2 004	5	327783	Leong Kim	1 208
26	Seri Kejora	1 789	7	318784	Klinik Motor Tan	325
			12	309785	Kedai Deva	180
			17	300786	Saujana Bhd.	954
			22	291787	Belian	2 546
			31		Baki h/b	12 400
		22 948				22 948

SPM 2001, No.4

PENYATA BANK

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2001				
Oct-01	Baki b/b			369 (dt)
7	Cek No. 354781	540		909 (dt)
8	Komisen		2 655	1 746 (kt)
11	Cek No. 354779	876	2 655	870 (kt)
14	Insurans - perintah sedia ada	800		70 (kt)
16	Caj bank	25		45 (kt)
18	Cek No. 354785	180		135 (dt)
20	Cek No. 354778	430		565 (dt)
20	Cek No. 354783	1 208		1 773 (dt)
22	Cek No. 354784	325		2 098 (dt)
24	Deposit		12 780	10 682 (kt)
25	Cek No. 354787	2 546		8 136 (kt)
26	Deposit		2 004	10 140 (kt)
27	Cek No.354780			8 482 (kt)
31	Deposit	1 658	338	8 820 (kt)

Maklumat tambahan: (ii) cek yang diterima pada 28 Oktober 2001 dipulangkan oleh bank dengan tanda "rujuk penyuruh bayar"

(ii) cek yang dikeluarkan bernombor 354780 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki : (a) mengemaskini Buku Tunai untuk bulan Oktober 2001.

(6 markah)

(b) menyediakan Penyata penyesuaian Bank untuk bulan yang sama.

(7 markah)

SPM 2006, No. 3

- 1 Puan Su Lee Ing pemilik Perniagaan Su Lee telah menerima bayaran Penyata Bank bulan Jun 2006. Beliau mendapati baki Penyata Bank berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai perniagaannya.

BANK USAHA BERHAD (5655-M)				
PENYATA BANK				
Perniagaan Su Lee 2 Jalan Bukit Sitiawangsa, 54200 Kuala Lumpur		No. akaun :100576900113 Tarikh :30 Jun 2006		
Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2006				
Jun-01	Baki b/b			2 328 (kt)
2	Cek No. 1007120	650		1 678
3	Deposit		5 760	7 438
3	Cek No. 1007122	355		7 083
7	Deposit		1 250	8 333
9	Deposit		86	8 419
10	Cek No. 1007123	550		7 869
11	Cek (rujuk penyuruh bayar)	1 250		6 619
15	Dividen- Syarikat ANC		225	6 874
20	Buku Cek	10		6 864
29	Cek No. 1007124	1 770		5 094
30	Cek No. 1007125	800		4 294 (kt)

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	No.cek	Perkara	RM
2006			2006			
Jun-01	Baki	3 543	Jun-03	1007122	Kadar bayaran	2 843
3	Jualan	946	9	1007123	Sewa	740
6	Akila Bhd	1 325	18	1007124	Belian	2 655
9	Farah	490	26	1007125	Meng Hua	890
30	Bona Bhd.	1 254	29	1007126	Shaun	1 248
			30		Baki h/b	65
		9 726				9 726

- (a) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2006 tanpa mengemaskini Buku Tunai
(b) Nyatakan tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan

(9 markah)

(1 markah)

Persamaan Perakaunan

1 Rekodkan urus-urus niaga di bawah dengan melengkapkan jadual yang disediakan serta sediakan Kunci Kira-kira dalam bentuk penyata pada 31 Disember setelah selesai semua urus niaga.

- (a) Majudiri memulakan perniagaan dengan wang tunai RM50 000.
- (b) Beli alatan pejabat RM5 00 secara kredit
- (c) Terima tunai Rm 2 000 untuk perkhidmatan yang diberi.
- (d) Beli perabot secara RM3 000 secara kredit
- (e) pinjam RM 15 000 daripada Bank Kerjasama
- (f) Hantar inoivis berjumlah RM3 000 kepada pelanggan-pelanggan bagi perkhidmatan diberikan
- (g) Terima komisen RM800
- (h) Bayar sewa RM400, gaji RM600 dan air dan elektrik RM200
- (i) Majudiri membawa masuk perabot bernilai RM1 500 dari rumahnya untuk kegunaan pejabat.
- (j) Bayar pemiutang RM3 000
- (k) Terima daripada penghutang RM2 000.

2

Usahajaya Trading Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2003

	RM		RM
Lengkapan dan lekapan	8 500	Modal	30 000
Stok	28 000	Untung bersih	9 168
Penghutang	4 800		39 168
bank	5 456	Pemiutang	7 588
	46 756		46 756

Perkara-perkara yang berikut belum diambil kira semasa menyediakan Kunci Kira-kira di atas:

- (i) Belian Kredit barang niaga bernilai RM2 000.
 - (ii) Barang niaga berkos RM4 800 dijual secara kredit dengan harga RM6 000.
 - (iii) Bayar pengangkutan RM 250 dengan cek
 - (iv) Mengeluarkan cek RM1 500 untuk menjelaskan ansuran kereta pemilik.
 - (v) Pemilik membawa masuk sebuah penyaman udara keupunyaan sendiri bernilai RM2 000 ke dalam perniagaan
 - (vi) Terima RM5 000 daripada penghutang, RM3 000 daripadanya dibayar terus kepada pemiutang untuk menjelaskan akaun penuh RM3 080 dan bakinya dibankkan
- Barang-barang berniali RM150 dipulang kepada pemiutang kerana terslah jenama.

Berdasarkan Kunci Kira-kira dan maklumat diberi, **anda dikehendaki menyediakan** semula Kunci Kira-kira di atas pada 31 Mac 2003

3 Musa, seorang akauntan awam memulakan perniagaannya pada 1 April 2007. Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April:

- April 1 Musa memindahkan RM20 000 daripada akaun bank persendirian kepada akaun perniagaan
- 7 Bayar sewa RM400 untuk bulam April.
- 8 Beli sebuah komputer berharga RM5 000, RM1 000 telah dibayar dan bakinya akan dibayar pada bulan depan
- 10 Beli mesin taip dan mesin kira RM2 000 secara tunai.
- 12 Terima RM1 000 daripada pelanggannya bagi perkhidmatan yang diberikan
- 15 Bayar belanja am RM300.
- 18 Sediakan Penyata Kewangan bagi pelanggannya dan bil berjumlah RM2 000 telah dihantar kepadanya.
- 23 Terima RM800 daripada pelanggan bagi invois yang dihantar pada 18 April.
- 25 Bayar belanja am RM150.
- 29 Bayar gaji kerani RM550, bil air dan elektrik RM120
- 30 Bayar pemiutang RM1 500

Anda dikehendaki:

Sediakan satu ringkasan urus niaga bagi bulan April dengan menggunakan tajul yang berikut:

Aset			=	liabiliti	+	Ekuiti pemilik
Tunai	+ Penghutang	+ Alatan Pejabat	=	Pemiutang	+	Modal

4 Berikut adalah aset,liabiliti dan ekuiti pemilik yang terdapat dalam rekod perakaunan Kedai Jimat Cermat pada 1 Ogos 2006

ASET				=	LIABILITI	E.PEMILIK
Tunai	Penghutang	Alatan pejabat	Van	=	Pinjaman	Modal
RM	RM	RM	RM	=	RM	RM
15 000	8 000	12 000	20 000	=	20 000	5 000
						30 000

Sepanjang bulan Ogos, urus niaga berikut telah berlaku:

- Sebuah komputer baru bernilai Rm4 500 dibeli secara tunai.
- Sewa bulan Ogos berjumlah RM450 dibayar secara tunai
- Terima tunai RM200 daripada penghutang
- Bayar tunai RM2 500 kepada pemiutang
- Hantar invois berjumlah RM2 000 kepada pelanggannya untuk perkhidmatan yang dibekalkan
- Terima RM400 daripada penghutang
- Bayar belanja membaiki van RM700.
- Bayar bil elektrik dan air RM200, telefon RM250 dan gaji RM800
- Pemilik membawa masuk wang RM5 000 sebagai modal tambahan.
- Beli sebuah van berharga RM25 000; RM10 000 dibayar secara tunai dan bakinya

akan dibayar secara beransur-ansur mulai bulan depan.

- (xi) Pinjaman sebanyak RM 10 000 daripada Bank Kuat Bhd. Diluluskan dan wang diterima.

Anda dikehendaki:

- (a) Rekodkan urus niaga di atas mengikut format yang disediakan
(b) Sediakan Kunci Kira-kira kedai Jimat Cermat pada 31 Ogos 2006

5 Berikut adalah aset,liabiliti dan ekuiti pemilik yang terdapat dalam rekod perakaunan Kedai Jujur Setia pada 1 September 2006

ASET				=	LIABILITI		E.PEMILIK
Tunai	Penghutang	Alatan pejabat	Van	=	Pinjaman	Pemiutang	Modal
RM	RM	RM	RM	=	RM	RM	RM
20 000	7 000	15 000	27 000	=	25 000	4 000	40 000

Sepanjang bulan Ogos, urus niaga berikut telah berlaku:

- (i) Sebuah komputer baru bernilai RM4 000 dibeli secara tunai.
(ii) Sewa bulan Ogos berjumlah RM500 dibayar secara tunai
(iii) Terima tunai RM1000 daripada penghutang
(iv) Bayar tunai RM2 000 kepada pemiutang
(v) Hantar invois berjumlah RM3 000 kepada pelanggannya untuk perkhidmatan yang dibekalkan
(vi) Terima RM2000 daripada penghutang
(vii) Bayar belanja membaiki van RM1000.
(viii) Bayar bil elektrik dan air RM300, telefon RM200 dan gaji RM700
(ix) Pemilik membawa masuk wang RM10 000 sebagai modal tambahan.
(x) Beli sebuah van berharga RM35 000; RM15 000 dibayar secara tunai dan bakinya akan dibayar secara beransur-ansur mulai bulan depan.
(xi) Pinjaman sebanyak RM 20 000 daripada Bank Kuat Bhd. Diluluskan dan wang diterima.

Anda dikehendaki:

- (a) Rekodkan urus niaga di atas mengikut format yang disediakan
(b) Sediakan Kunci Kira-kira kedai Jimat Cermat pada 31 Ogos 2006

SPM 1995 NO.6

6

Budiwati Enterprise
Kunci Kira-kira pada 30 jun 1995

	RM		RM
Perabot	3 600	Modal	10 000
Stok	2 100	pemiutang	5 160
Penghutang	4 050		
Bank	5 410		
	15 160		15160

Urusniaga Budiwati Enterprise dalam bulan Julai 1995 adalah seperti berikut:

- (i) Belian kredit barang niaga bernilai RM600.
- (ii) Menjual barang niaga secara kredit dengan harga RM250. Kos barang tersebut RM400.
- (iii) Pemilik perniagaan membawa masuk sebuah meja kepunyaannya bernilai RM135 ke dalam perniagaan.
- (iv) Cek bernilai RM240 yang diterima daripada penghutang tidak dilayan oleh bank.
- (v) Pulangan belian RM50.
- (vi) Bayar sewa RM100 dengan cek
- (vii) Terima RM3 000 daripada penghutang. RM2 000 daripada wang itu dibayar terus kepada pemiutang dan bakinya dibankkan.

Berdasarkan Kunci Kira-kira dan maklumat di atas **anda dikehendaki menyediakan** Kunci Kira-kira pada 31 Julai 1995

SPM 1997 No.5

7

Warisan Putih Enterprise
Kunci Kira-kira pada 30 April 1997

	RM		RM
Premis	64 000		80 000
Alatan Pejabat	5 670		12 703
Penghutang	4 200		92 703
Stok	16 400		8227
Bank	10 660		
	100 930		100 930

Perkara berikut belum diambil kira semasa menyediakan Kunci Kira-kira di atas:

- (i) Membeli satu set komputer dengan cek RM4 200.
- (ii) Mengeluarkan cek RM4 750 kepada pemiutang dan terima diskaun RM250.
- (iii) Pemilik membawa masuk kenderaan kepunyaan sendiri RM22 000 ke dalam perniagaan.
- (iv) Menjual 10% daripada stok kepada Encik Nagarathan dengan harga RM2 050.
- (v) Wujudkan peruntukan hutang ragu 2% atas penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan semula Kunci Kira-kira di atas. (Semua pengiraan hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-kira).

SPM 2004, No. 4

8 Nurul Ain Enterprise ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Papar, Sabah.

Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaan tersebut pada 31 Julai 2004:

	RM
Alatan pejabat	3 000
Stok	16 500
Penghutang	4 400
Bank	6 700
Modal	25 000
Pemiutang	5 600

Urusniaga dalam bulan Ogos 2004 adalah seperti berikut:

- (i) Membeli sebuah mesin pencetak secara tunai RM150.
- (ii) Menerima dua keping cek berjumlah RM1 200 daripada penghutang.
- (iii) Membeli barang niaga secara kredit RM1 800.
- (iv) Sekeping cek bernilai RM250 yang diterima daripada penghutang tidak dilayan oleh bank
- (v) Stok pada harga kos RM4 575 dijual secara kredit RM7 675.

Berdasarkan maklumat di atas, **anda dikehendaki menyediakan** Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2004.

(jalan kerja hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-kira).

Rekod Tak lengkap

SPM 1993, no. 3

- 1 Encik Kasim, seorang peniaga kecil, telah memberitahu anda bahawa beliau menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu. Beliau berharap anda dapat menentukan untung atau rugi yang telah diperoleh dalam tahun 1992. Beliau juga berhasrat supaya satu sistem perakaunan yang sesuai diadakan untuk perniagaannya.

Berikut ialah maklumat kewangan Encik Kasim pada 31 Disember.

	1991	1992
	RM	RM
Penghutang	48 000	71 200
Pemiutang	27 500	39 750
Stok	16 000	21 000
mesin	14 500	15 000
Bank	4 900	8 600

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 1992:

- (i) Belanja peribadi yang dibayar daripada tunai perniagaan berjumlah RM800
- (ii) Peruntukan Hutang ragu hendaklah disediakan pada kadar 5% atas penghutang>
- (iii) susutnilai pada kadar 10% setahun diperuntukkan bagi mesin yang dimiliki.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung untung atau rugi perniagaan Encik Kasim bagi tahun berakhir 31 Disember 1992.
- (b) menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 disember 1992
- (c) menyediakan catatan jurnal bagi tujuan membuka akaun-akaun dalam buku perniagaan Encik Kasim pada 1 Januari 1993.

(14 markah)

SPM 1994, no.4

2 Puan Diana memulakan perniagaannya pada 1 Januari 1993. Buku-buku perniagaannya direkodkan dengan tidak menggunakan sistem catatan bergu.

berikut ialah maklumat yang didapati:

- (i) Puan Diana membawa masuk tunai RM19 000 dan lengkapan RM3 500 ke dalam perniagaannya pada 1 Januari 1993. Tunai ini dibankkan.
- (ii) Pada 1 Julai 1993, alatan pejabat bernilai RM300 dibawa masuk sebagai modal tambahan.
- (iii) Pada 31 Disember 1993, aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

	RM
Lengkapan	3 500
Alatan pejabat	300
Sewa belum bayar	250
Kenderaan	12 530
Kadar bayaran terakru	65
Ambilan	785
Stok	9 700
Bank	935
Pemiutang	1 100
Insurans terdahulu	80
Penghutang	2 350
Gaji terakru	300

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan dan alatan pejabat hendaklah disusutnilaikan 10% setahun.
- (ii) Stok terlebih nilai sebanyak RM200.
- (iii) Invois yang diterima RM380 belum lagi diambil kira dalam jumlah penghutang.
- (iv) Hutang sebanyak RM30 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Kenderaan tidak disusutnilaikan kerana dibeli pada akhir tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Kunci kira-kira pada 31 Disember 1993.
- (b) Akaun Modal sehingga 31 Disember 1993.

(14 markah)

SPM 1996, No. 4

3 Berikut ialah aset dan liabiliti Perniagaan Gemala Sakti pada 1Julai 1996.

	RM
Kenderaan	10 000
Penghutang	780
Pemiutang	6 340
Tunai di bank	3 200
Untung bersih	4 500
Modal	22 440
Stok	19 700
Kadar bayaran terakru	400

Urus niaga berikut berlaku sehingga 31 Julai 1996:

- Peruntukan susutnilai kenderaan 10% atas kos dibuat untuk bulanini
- Membayar kadar bayaran terakru RM 200.
- Menghapuskan akaun penghutang RM60 sebagai hutang lapuk
- Pemilik memasukkan tunai ke dalam bank RM5 000 sebagai modal tambahan.
- Menjual barang niaga secara kredit RM7 500 (kos RM4 450).

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata menghitung modal kerja pada 1 Julai 1996. (3 markah)
- Kunci Kira-kira pada 31 Julai 1996 (10 markah)

SPM2001, No5.

4 Encik Mahendran ialah peniaga runcit yang merekod akaun perniagaanya tanpa menggunakan sistem catatan bergu. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti berikut:

	1-Jan-00	31-Dec-00
	RM	RM
Van	30 000	25 200
Perabot	6 450	9 650
Pelbagai pemiutang	2 468	2 324
Bank	890 (overdraf)	6 643
Stok	18 960	25 600
Komisen diterima terakru	780	—
Tunai	—	430
Penghutang	6 890	4 805

Maklumat tambahan:

- Sebahagian daripada nilai perabot pada akhir tahun adalah perabot yang dibeli oleh pemilik perniagaan dengan wang peribadinya berjumlah RM3 200.
- Pemilik perniagaan membuat ambilan barang runcit dari kedainya bernilai RM200 setiap bulan dalam tahun kewangan itu.
- Pada 31 Disember 2000:

	RM
Kadar bayaran terakru	160
Gaji terakru	600
Insurans terdahulu	60

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata menghitung modal pada 1 Januari 2000. (3 markah)
- Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2000. (9 markah)

SPM 2002, No.6

- 5 (a) Nyatakan dua kelemahan rekod tak lengkap. (2 markah)
 (b) Encik Asri seorang peniaga runcit di Taman Gembira, Larkin, Johor. Beliau menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu.

Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan Encik Asri pada 31 Mei 2002:

	1-Jun-01	31-May-02
	RM	RM
Premis	20 000	20 000
Perabot	8 560	?
Penghutang	21 420	25 600
Stok	9 570	11 410
Pemiutang	18 350	19 320
Bank	4 670	8 920
Gaji terakru	—	430
Modal	45 879	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 3 September 2001, Encik Asri telah membawa masuk perabot rumahnya RM1 680 ke dalam perniagaan.
- (ii) Pada tahun ini beliau telah mengambil barang niaga RM980 dan tunai RM500 untuk kegunaan sendiri.
- (iii) Baki akaun seorang penghutang RM250 dihapus kira sebagai hutang lapuk kerana mufliis.
- (iv) premis disusutnilaikan 10% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata mengira modal pada 31 Mei 2002.
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2002.

(10 markah)

Syarikat berhad**SPM 1994, NO.6.**

- 1 Pada 1 April 1993, Syarikat Delima Madu Berhad telah memulakan perniagaan dengan modal berdaftar sebanyak 900 000 syer biasa RM2 tiap-tiap satu. Pada tarikh yang sama, syarikat telah menerbitkan 750 000 syer biasa pada nilai tara kepada orang ramai. Semua syer yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan perkara berikut:

- (i) Membayar dividen interim 5% pada 1 Oktober 1993.
- (ii) Mengistiharkan dividen akhir 10% pada 31 Mac 1994.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung:

- (i) modal dibenarkan
- (ii) modal diterbitkan
- (iii) modal belum diterbitkan
- (iv) dividen interim
- (v) dividen akhir

- (b) menyediakan Akaun permohonan, Akaun Modal Syer Biasa dan Akaun Bank.

- (c) menerangkan secara ringkas dua perbezaan syer biasa dengan syer keutamaan.

SPM 2006, No.4

- 4 Syarikat Kesdev Berhad telah ditubuhkan pada 1 Januari 2005 dengan modal berdaftar terdiri daripada 4 000 000 unit Saham Biasa RM1.00 sesaham dan 400 000 unit 5% saham Keutamaan RM2.00 sesaham.

2 500 000 unit saham dan semua Saham Keutamaan telah ditawarkan untuk langganan pada nilai tara. Semua saham yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Bagi tahu berakhir 31 disember 2005, Syarikat mengisytiharkan pembayaran dividen 3% kepada pemegang Saham Biasa.

- (a) Hitung:

- (i) Modal Dibenarkan
- (ii) Modal Berbayar
- (iii) Jumlah dividen

- (a) Bezakan Saham Biasa dengan Saham Keutamaan.

SPM 2000, No.6

- 2 Syarikat Seri Laksana Berhad mempunyai modal berdaftar sebanyak 100 000 syer biasa RM1 setiap satu dan 50 000 10% syer keutamaan RM2 setiap satu. Syarikat telah menerbitkan 60 000 syer biasa dan 20 000 10% syer keutamaan kepada orang ramai dengan nilai tara. Tahun Kewangan syarikat berakhir pada 30 September 2000. Berikut ialah maklumat yang diberikan oleh syarikat pada 30 September 2000:

(i)	RM
Premis	50 000
Stok pada 1 Oktober 1999	22 500
Untung kasar	38 000
Pemiutang	6 500
Pinjaman bank	5 000
Stok pada 30 September 2000	25 000
Tunai di bank	20 500
Pendapatan tertahan	8 200

- (ii) Tokokan ialah 32%
- (iii) Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran dividen syer keutamaan dan pembayaran dividen 15% atas syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) Menerangkan maksud dividen (2 markah)

- (b) Menghitung:

- (i) Dividen syer keutamaan.
- (ii) Dividen syer biasa.
- (iii) Stok purata
- (iv) Kos jualan
- (v) Kadar pusing ganti stok.

(10 markah)

SPM 2005, No.4

- 3 Pada 1 Januari 2004, Syarikat Bergaya Berhad didaftarkan dengan modal berdaftar yang terdiri daripada 600 000 unit 10% saham keutamaan bernilai RM2 sesaham dan 800 000 unit saham biasa bernilai RM1 sesaham.

Pada 1 Julai 2004, syarikat telah menerbitkan 400 000 unit 10% saham Keutamaan dan 500 000 unit saham biasa pada nilai tara. Semua saham telah dilanggan oleh orang ramai dan dibayar penuh pada 30 Julai 2004.

Pada 31 Disember 2004 lembaga pengarah syarikat mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang saham keutamaan sahaja.

- (a) Hitongkan modal diterbitkan (3 markah)

- (b) Rekod terbitan saham di atas dalam akaun-akaun berikut:

- (i) Akaun Permohonan Saham Biasa dan Akaun Modal Saham Biasa.
- (ii) Akaun permohonan Saham Keutamaan dan Akaun Modal Saham Keutamaan.
- (iii) Akaun Bank.

(4 markah)

- (c) Hitung dividen saham keutamaan.

(1 markah)

Tafsiran Penyata Kewangan

SPM 1998, No.6

- 1 Maklumat perniagaan Sri Bayu Enterprise bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1998 adalah seperti berikut:

	RM
Stok 1 Julai 1997	8 600
Stok 30 jun 1998	9 300
Modal 1 Julai 1997	50 000
Untung bersih tahun kewangan ini	8 500
Belian	71 940
Jualan	93 080
Perabot	5 200
Iklan terdahulu	120
Komisen diterima terakru	350
Belanja sewa terakru	500
Penghutang	4 258
Angkutan masuk	360

(a) Hitungkan:

- (iii) kos jualan
- (ii) untung kasar
- (iii) peratus tokokan
- (iv) kadar pusing ganti stok

(8 markah)

(b) Nyatakan fungsi kadar pusing ganti stok.

(2 markah)

SPM 2003, No.B2

- 2 Encik Rizal ialah pemilik Perniagaan Cahaya yang menjual gas memasak. Beliau menjalankan perniagaannya dengan modal permulaan RM50 000. Perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Julai 2003 adalah seperti berikut:

	RM
Stok 1 Ogos 2002	7 920
Stok 31 Julai 2003	8 640
Pemiutang	10 900
Bank	29 350
Belian	265 180
Pulangan belian	220
Sewa dibayar	2 400
Gaji pekerja	7 200

Perniagaan Cahaya menetapkan tokokan 20% atas barang yang dijual.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung:

- (i) kos jualan
- (ii) Untung kasar
- (iii) margin untung kadar
- (iv) kadar pusing ganti stok

(8 markah)

- (b) Menerangkan maksud jawapan yang diperolehi dalam (a)(iii) di atas. (2 markah)

SPM 2004, No.B6

3 Perniagaan Setia Rembau dan Perniagaan Jaya Maju adalah dua buah perniagaan runcit. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 30 September 2004:00:00

Perniagaan Setia Rembau

	RM
Pemiutang	14 560
Untung bersih	4 134
Penghutang	4 560
Pinjaman bank	2 540
Kenderaan	53 000
Overdraf bank	3 548
Tunai	677
Stok purata	15 337
Untung kasar	30 674
Sewa dibayar terakru	1 400
Jualan	122 696
Komisen diterima terdahulu	255
Modal 1 Oktober 2003	48 000
Perabot	726

Perniagaan Jaya Maju

Kadar pusing ganti stok sebanyak 4 kali
Pulangan atas modal 7.5%

- (a) Anda dikehendaki menghitung perkara-perkara berikut bagi perniagaan Setia Rembau:
- (i) kos jualan (2 markah)
 - (ii) Tokokan (2 markah)
 - (iii) Margin untung kasar (2 markah)
 - (iv) Kadar pusing ganti stok (2 markah)
 - (v) Pulangan atas modal (2 markah)
- (b) Prestasi perniagaan manakah yang lebih baik? Berikan alasan anda. (2 markah)

SPM 2006, No. B2

- 1 Maklumat berikut diperolehi daripada dua buah firma yang menjalankan perniagaan makanan ringan pada 31 Disember 2005.

Firma Sea View Berhad	
	RM
Modal 1 Januari 2005	35 000
Stok 1b Januari 2005	31 860
Stok 31 Disember 2005	16 440
Untung kasar	18 400
Penghutang	9 699
Tunai	2 270
Lengkapan	1 400
Pemiutang	4 700
Overdraf bank	2 750
Perbelanjaan	6 200
Peratus untung kasar atas jualan	16%

Firma Budi Fuze Berhad	
Kadar pulangan atas modal	27%

- (a) Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi Firma Sea View Berhad:
- (i) Jualan (2 markah)
 - (ii) Tokokan (2 markah)
 - (iii) Peratus untung bersih atas jualan (2 markah)
 - (iv) Kadar pusing ganti stok (2 markah)
 - (v) Kadar pulangan atas modal (2 markah)
- (b) Sekiranya anda ingin membuat pelaburan, firma yang manakah yang anda pilih?
Beri alasan anda (2 markah)

Kos Volum Untung/ Titik Pulang Modal

SPM 1993, No. 5

1 Berikut ialah butir-butir operasi sebuah firma untuk tahun 1991 dan 1992.

Tahun	Unit	Jumlah kos	Jumlah Jualan
1991	45 000	107 500	112 500
1992	46 000	109 000	115 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada dua tahun tersebut malar.

Anda Kos tetap firma

- Kos berubah seunit
- Kos tetap firma
- Kos jualan seunit
- Titik Pulang Modal 1992
- Jumlah unit yang perlu dijual untuk mendapatkankeuntungan sebanyak RM10 000 pada tahun 1993 (andaikan kos berubah meningkat menjadi RM2 seunit).

(10 markah)

SPM 1996, No 6

2 Syarikat Cerdas Berhad telah membuat keputusan untuk mengeluarkan barang makanan. Kos yang dijangka adalah seperti berikut:

	RM
Mesin dan alatan	200 000
Sewa bangunan	10 000
Kos tetap lain	6 000
Kos berubah seunit	3

Kos tetap diandaikan malar. Harga jualan dicadangkan RM5 seunit.

Anda dikehendaki:

- Menghitung
 - titik pulang modal syarikat tersebut
 - keuntungan atau kerugian jika pengeluaran 99 500 unit
 - jumlah unit keluaran yang perlu dikeluarkan untuk mencapai keuntungan RM64 800
 - titik pulang modal jika kos berubah seunit bertambah sebanyak 50 sen tetapi harga jualan tidak berubah.

(8 markah)

- Menerangkan secara ringkas maksid titik pulang modal.

(2markah)

SPM 1999, No.5

- 3 Jadual berikut menunjukkan anggaran jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Perabot Perkasa pada pelbagai peringkat pengeluaran

Paras Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	128 000	0
1 000	208 000	120 000
2 000	288 000	240 000
3 000	368 000	360 000

Kos tetap diandaikan malar.

- (a) Anda dikehendaki menghitung:
- (i) kos berubah seunit
 - (ii) harga jualan seunit
 - (iii) titik pulang modal pengeluaran tersebut.
 - (iv) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM30 000.
- (8 markah)
- (b) Diandaikan dalam jangka masa panjang, kos tetap turun 10% tetapi kos berubah dan harga jualan seunit tidak berubah, hitungkan titik pulang modal.
- (2 markah)
- (c) Nyatakan dua kegunaan titik pulang modal
- (2 markah)

SPM 2001, No.6

- 4 (a) Apakah kos tetap dan kos berubah?
- (b) Encik Cheah bercadang menjadi pengeluar makanan ayam bermula 1 Januari 2002. Berikut adalah maklumat daripada kajian yang telah dijalankan:

	RM
Sewa premis setahun	3 600.00
Jumlah kos berubah untuk 20 000 kilogram keluaran	24 000.00
Susut nilai mesin dan jentera untuk setahun	1 500.00
Harga jualan sekilogram keluaran dicadangkan	1.70

Kos tetap diandaikan malar sepanjang tahun itu.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) jumlah kos tetap (1 markah)
- (ii) jumlah kos berubah sekilogram (1 markah)
- (iii) titik pulang modal (2 markah)
- (iv) untung atau rugi jika syarikat mengeluarkan 20 000 kilogram keluaran. (2 markah)
- (v) titik pulang modal jika kos berubah RM1.30 sekilogram manakala kos dan hasil lain tidak berubah. (2 markah)

SPM 2006, No.6

5 Kelab Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan Suria ingin menjual burger sempena Karnival Keusahawanan sekolah tersebut.

Anggaran kos pengeluaran dan harga jualan adalah seperti berikut:

	RM
Sewa tapak	25.00
Sewa peralatan	10.00
Roti burger	0.05 seunit
Daging burger	0.35 seunit
Bahan-bahan lain	0.10 seunit
Harga jualan	1.20 seunit

Anda dikehendaki:

(a) menghitung:

- (i) kos berubah seunit (1 markah)
- (ii) Jumlah kos tetap (1 markah)
- (iii) Titik pulang modal (2 markah)
- (iv) Kuantiti burger yang perlu dijual jika kelab ingin memperoleh keuntungan sebanyak RM350. (2 markah)
- (v) Keuntungan yang diperoleh jika kelab dapat menjual 500 unit burger. (2 markah)
- (vi) Titik pulang modal yang baru sekiranya kelab bercadang menjual burger pada harga RM1.50 seunit. (Jumlah kos tetap dan kos berubah seunit diandaikan malar) (2 markah)

(b) Nyatakan dua kegunaan titik pulang modal (2 markah)